

# 109 jayakan Program Transformasi Baktisiswa

UB 15.11.2013 B2

oleh JAINUDIN NASIR  
jainudin570@gmail.com

**PROGRAM** Transformasi Baktisiswa bertemakan Pelestarian Pembangunan Kualiti Dalam Pendidikan merupakan satu program yang dianjurkan oleh Pelajar Pascasiswazah Pengurusan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Ia diadakan di Kem Bina Negara Kundasang, bermula pada 6 hingga 8 November lalu melibatkan seramai 109 orang peserta yang terdiri daripada pengetua, guru-guru serta anggota kakitangan sokongan Sekolah Menengah Kebangsaan Bingkor, Keningau.

Sememangnya, program ini telah meninggalkan impak yang positif bukan sahaja kepada pihak penganjur sendiri malahan juga kepada para peserta yang terlibat.

Program ini telah mendapat sokongan penuh daripada para pensyarah Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial UMS, Biro Tatanegara, UMS

## ■ Pendedahan kepentingan elemen pengurusan kualiti dalam ruang lingkup pendidik dan pendidikan



PARA peserta semasa sesi ceramah dijalankan.

Link Sdn Bhd dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah. Program diketuai Pengarah Projek iaitu Levie

@ Laila Md Shahbadur dengan dibantu barisan ahli jawatankuasa yang lain iaitu Elvira Achin, Sabddin

Hussin Alipin, Muhamad Sufyan Hassan, Sherzuin Mujik, Serirama Ebbie, Felix Toisang, Mitchel Chee, Zakie Matalie, Wilter Dousip, Desmond Teo Yee Cheng dan Bahrun Kasran.

Selain memenuhi keperluan tugas kursus Pengurusan Kualiti Dalam Pendidikan di bawah naungan Dr Mohd Khairuddin Abdullah, pelaksanaan program itu juga memberi pendedahan kepada para pelajar Sarjana Pengurusan Pendidikan berkaitan kepentingan elemen pengurusan kualiti khususnya dalam ruang lingkup pendidik dan pendidikan.

Ia juga memberi ruang dan peluang kepada para pelajar sarjana untuk cuba menerapkan dan

menyerlahkan konsep pengurusan kualiti itu sendiri dalam bentuk pengurusan program dan organisasi dalam pelaksanaan program yang agak mencabar.

Seterusnya, melalui pelaksanaan program seumpama itu diharapkan dapat mengeratkan lagi ikatan silaturrahim dalam kalangan pelajar pascasiswazah dengan para peserta serta fasilitator yang terlibat.

Antara pengisian program itu ialah sesi ceramah berkaitan pengurusan kualiti dalam pendidikan, Latihan Dalam Kumpulan (LDK) dan aktiviti kembara. Penceramah yang terlibat adalah Pensyarah Kanan UMS, Dr Mohd Khairuddin Abdullah, Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Jabatan Pelajaran Negeri Sabah, Raisin Saidin dan Pengetua Kem Bina Negara, Saini Pajjo.

Kejayaan program itu turut dicitrakan melalui slot dalam kumpulan oleh barisan fasilitator yang berpengalaman Biro Tatanegara diketuai Abd Ghani Kaji, Zarifah Safri, Abdul Kadir Jamil, Azahari Amit, Abd Momen Antang, Mohd Ariffin Hussin, Muji Panji, Norhasdi Hassan, Aniza Farhana dan Rozana Sapri serta tiga orang jurulatih iaitu Junaidi, Siti Mariam dan Abd Shaini.

Pada keseluruhannya, objektif program itu telah berjaya dicapai dan yang paling manis adalah

“Kalautidakkeranasemalamkita berusaha, bersungguh, bersabar dan berdoa, belum tentu hari ini kita berada di sini.”

LEVIE @ LAILA MD SHAHBADUR  
Pengarah Projek



LATIHAN Dalam Kumpulan (LDK).

pancaran wajah gembira terlihat daripada semua yang terlibat terutama sekali para peserta program.

“Kalau tidak kerana semalam kita berusaha, bersungguh, bersabar dan berdoa, belum tentu hari ini kita berada di sini,” kata Levie apabila ditanya tentang proses sebelum pelaksanaan.

Beliau memaklumkan kejayaan program itu adalah suatu perjalanan bukannya suatu destinasi.

“Selaku Pengarah Projek,

tujuan kita jelas, kita boleh mencapainya dengan mudah dengan adanya bantuan Biro Tatanegara dan Jabatan Pelajaran Negeri Sabah.

“Sesungguhnya, program ini tidak akan berjaya tanpa kerjasama daripada semua pihak. Hanya dengan ucapan terima kasih sahaja yang mampu diberikan untuk menterjemahkan perasaan gembira yang tidak terhingga,” tambahnya.



BARISAN pensyarah UMS dan AJK pelaksana.